

15 MAY 2001

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA VAJPAYEE

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee pada perjumpaan selama kira-kira 15 minit di Bilik Melaka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus selaku Menteri Pengiring.

Sebelum itu, Vajpayee menyampaikan ucap tama pada Forum Perniagaan Malaysia-India dengan Dr Mahathir juga turut hadir pada sesi dialog dengan kira-kira 1,000 peserta.

Vajpayee akan berlepas pulang ke negaranya tengah hari esok.

-- BERNAMA

RV HS RHM